

# ANALISA TERHADAP UNDANG-UNDANG SEDIA ADA DALAM MEMBANTERAS KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DI MALAYSIA

***AN ANALYSIS OF THE EXISTING LAWS IN COMBATING DOMESTIC VIOLENCE CASES IN MALAYSIA***

**Rahmawati Mohd Yusoff<sup>1\*</sup>**

**Dewi Sulistianingsih<sup>2</sup>**

**Azhani Arshad<sup>3</sup>**

**Martitah<sup>4</sup>**

**Mohammad Hidir Baharudin<sup>5</sup>**

**Syuhaeda Aeni Binti Mat Ali<sup>6</sup>**

**Nor Azairiah Fatimah Binti Othman<sup>7</sup>**

**Noraini Ismail<sup>8</sup>**

**Muhammad Hazwan A. Rahman<sup>9</sup>**

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia. (E-mail: rahmawatimy@uitm.edu.my)

\* (Corresponding Author).

<sup>2</sup> Professor Dr., Law Study Program, Universitas Negeri Semarang (UNNES), Sekaran, GunungPati, Semarang City, Central Java 50229, Indonesia. (Email: dewisulistianingsih21@mail.unnes.ac.id).

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia. (E-mail: azhani\_arshad@uitm.edu.my).

<sup>4</sup> Professor Dr., Law Study Program, Universitas Negeri Semarang (UNNES), Sekaran, GunungPati, Semarang City, Central Java 50229, Indonesia. (Email: martitahlatif@yahoo.co.id).

<sup>5</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Sultan Ibrahim, 80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia. (Email: hidir@kuijsi.edu.my).

<sup>6</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia. (E-mail: syuha497@uitm.edu.my).

<sup>7</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia. (E-mail: norazairiah@uitm.edu.my).

<sup>8</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. (E-mail: norai257@uitm.edu.my).

<sup>9</sup> Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia. (E-mail: zwanrahman01@gmail.com).

## Article history

**Received date** : 21-9-2023

**Revised date** : 22-9-2023

**Accepted date** : 9-10-2024

**Published date** : 15-10-2024

## To cite this document:

Mohd Yusoff, R., Dewi Sulistianingsih, Arshad, A., Martitah, Baharudin, M. H., Mat Ali, S. A., Othman, N. A. F., Ismail, N., & A. Rahman, M. H. (2024). Analisa terhadap undang-undang sedia ada dalam membanteras kes keganasan rumah tangga di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (67), 314 - 324.

**Abstrak:** Sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan kes keganasan rumah tangga di Malaysia. Walaupun terdapat pelbagai instrumen undang-undang di peringkat Malaysia dan antarabangsa, namun fasa perlaksanaanya masih tidak sama ada kemudahan tersebut digunakan sepenuhnya dalam komuniti individu atau tidak. Oleh itu, artikel ini mengkaji

kerangka undang-undang untuk perlindungan hak sosial wanita terhadap keganasan rumah tangga berdasarkan undang-undang Malaysia dan antarabangsa. Kajian ini menggunakan analisis kualitatif dan deskriptif dengan mengkaji statut, akta, undang-undang, rujukan ilmiah, dan data yang dikumpul daripada pihak berkuasa yang berkaitan. Isu ini juga diteliti daripada perspektif al-Quran dan as-Sunnah. Kajian mendapati bahawa Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Kanun Keseksaan berfungsi sebagai kerangka kerja undang-undang utama untuk menangani kes keganasan rumah tangga. Kajian ini mencadangkan hak asasi wanita seperti yang digariskan dalam syariat Islam mestilah diperkuuh dalam dasar kerajaan kerana kesannya selaras dengan Pelan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) (2030) dari segi kesamaan jantina, menggalakkan keamanan daripada sebarang keganasan dan masyarakat inklusif termasuk komuniti untuk pembangunan yang mapan.

**Kata Kunci:** Undang-undang Malaysia, Undang-Undang Antarabangsa, Kes Keganasan Rumah Tangga.

**Abstract:** Recently, there has been an increase in domestic violence cases in Malaysia. Although various legal instruments exist at both national and international levels, the extent to which these resources are fully utilized within individual communities remains inconsistent. Therefore, this article examines the legal framework for protecting women's social rights against domestic violence, based on both Malaysian and international law. This study employs qualitative and descriptive analysis by examining statutes, laws, scholarly references, and data gathered from relevant authorities. The issue is also analyzed from the perspective of the Qur'an and Sunnah. Findings indicate that the Domestic Violence Act 1994 and the Penal Code serve as the primary legal frameworks for addressing domestic violence cases. The study recommends that fundamental rights for women, as outlined in Islamic law, be reinforced in government policies. Such reinforcement aligns with the Sustainable Development Goals (SDG) 2030, particularly in promoting gender equality, fostering peace by preventing violence, and supporting inclusive communities for sustainable development.

**Keywords:** Malaysian Laws, International Laws, Domestic Violence Cases

---

## Pengenalan

Isu keganasan rumah tangga terhadap wanita semakin meluas dan berkemungkinan dipengaruhi oleh norma budaya, kepercayaan agama, serta faktor sosio-ekonomi (Oram et al., 2017). Keganasan rumah tangga berlaku apabila ahli keluarga terdekat mangsa melakukan tindakan berbentuk kekerasan, termasuk pasangan atau bekas pasangan, ahli keluarga, sanak saudara, dan rakan-rakan rapat. Oleh itu, keganasan rumah tangga merupakan jenayah yang dilakukan oleh individu yang mempunyai hubungan rapat atau biasa dengan mangsa.

Kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan sepanjang sejarah selama berabad-abad. Sebagai contoh, dalam masyarakat Rom kuno, wanita dianggap sebagai harta milik suami dan berada di bawah kawalannya. Suami didorong untuk bertindak sebagai 'hakim terhadap isterinya' melalui 'Peraturan Perkahwinan' yang disahkan oleh Gereja Katolik pada abad ke-15 (Idoko, 2016). Mengikut norma ketika itu, seorang suami dibenarkan mendera isterinya atas alasan menjaga kesejahteraan jiwa isterinya.

Majoriti sistem perundangan pada awal abad ke-19 secara tersirat menganggap tindakan memukul isteri sebagai hak suami, yang dilihat sebagai sebahagian daripada kuasanya untuk

mengawal sumber dan perkhidmatan isterinya. Ini adalah beberapa contoh keganasan rumah tangga yang telah wujud sepanjang sejarah. Wanita dalam masyarakat yang berpegang kuat kepada sistem patriarki dan norma jantina yang ketat sering kali mendapati diri mereka kekurangan saluran untuk melindungi diri daripada keganasan pasangan (Mshweshwe, 2020). Ketidakstabilan kewangan akibat kehilangan pekerjaan, tekanan pasangan yang mengalami kemurungan, serta penyalahgunaan bahan berbahaya turut menyumbang kepada peralihan hubungan yang normal kepada keganasan (Sediri, 2020). Situasi ini memberikan justifikasi utama mengapa sistem perundangan yang kukuh diperlukan untuk menangani isu serius ini.

Oleh itu, kajian ini meneliti kerangka kerja perundangan semasa dalam melindungi hak sosial wanita daripada keganasan rumah tangga, berdasarkan undang-undang Malaysia dan antarabangsa, bagi menentukan sejauh mana kerangka kerja perundangan sedia ada melindungi hak sosial wanita daripada ancaman tersebut.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Analisis kandungan memerlukan kajian semula literatur yang relevan untuk semua bahan primer dan sekunder berkaitan perlindungan wanita terhadap hak sosial mereka terhadap keganasan rumah tangga di Malaysia. Sementara itu, analisis doktrin melibatkan pemeriksaan bahan seperti peruntukan berkanun, perjanjian, serta kesusasteraan undang-undang dan bukan undang-undang lain. Dari sudut perundangan Islam, isu tersebut dikaji dari sudut pandang al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber utama perundangan Islam.

### Sorotan Literatur

Walaupun tiada statistik khusus mengenai kes keganasan rumah tangga di peringkat global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia WHO (2020) percaya bahawa tahap keganasan rumah tangga meningkat di seluruh dunia terutamanya ketika berlaku peningkatan kes COVID-19, yang paling banyak di Wilayah Mediterranean Timur. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (2020) menganggarkan bahawa 1 daripada 3 wanita di seluruh dunia mengalami penderaan fizikal atau seksual, yang selalunya dilakukan oleh pasangan intim. Ini menjadikan keganasan rumah tangga sebagai salah satu bentuk pencabulan hak asasi manusia yang paling meluas tetapi paling kurang dilaporkan.

Akibat daripada jumlah pelarian yang tinggi serta ketidakstabilan politik dan sosioekonomi, Wilayah Mediterranean Timur mencatatkan prevalens keganasan kedua tertinggi terhadap wanita (37%) di seluruh dunia. Tambahan pula, di Colombia sahaja, semasa sekatan pergerakan, terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan panggilan yang melaporkan kejadian keganasan rumah tangga (150%) dan sebanyak 169 wanita telah dibunuhi akibat keganasan ini. Situasi yang sama juga berlaku di negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Perancis, China, dan Australia (Taub, 2020; Almeron, 2020).

### Perlindungan Undang-undang Terhadap Keganasan Rumah Tangga di Malaysia

Menurut perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh Januari hingga Disember 2020, sebanyak 5,260 kes keganasan rumah tangga telah disiasat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pula telah menerima 2,540 kes keganasan rumah tangga dalam tempoh yang sama. Tambahan lagi, dalam tempoh empat bulan pertama tahun 2021 (Januari hingga April), sebanyak 902 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan (Arifin, 2021).

Selain itu, pada tahun 2021, pihak polis melaporkan dan membuka kertas siasatan bagi 7,468 kes keganasan rumah tangga, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 42% berbanding 5,260 kes yang dilaporkan pada tahun 2020. Di samping itu, Talian Kasih 15999 menerima sebanyak 3,028 panggilan berkaitan keganasan rumah tangga dari Januari hingga Disember 2021, di mana 974 daripadanya dikategorikan sebagai laporan rasmi (Povera, 2022).

Baru-baru ini, Malaysia telah mencatatkan sebanyak 3,640 kes keganasan rumah tangga dari Januari hingga Ogos 2023. Walaupun angka ini menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menegaskan bahawa jumlah tersebut masih kekal tinggi. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia, jumlah kes keganasan rumah tangga di Malaysia dari tahun 2020 hingga Ogos 2023 mencecah 22,908 kes, dengan 6,540 kes dilaporkan pada tahun 2022 (Hady, 2023). Sebanyak 18,433 wanita di Malaysia telah menjadi mangsa keganasan rumah tangga dalam tempoh empat tahun, iaitu dari 2020 hingga 2023. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, menyatakan bahawa berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia, sebanyak 3,616 kes keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita direkodkan pada tahun 2020, diikuti 5,131 kes pada 2021, 4,762 kes pada 2022, dan 4,924 kes pada 2023 (Asrol, 2024).

Di Malaysia, kes keganasan rumah tangga dikawal selia melalui Perlembagaan Persekutuan, Kanun Keseksaan, dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Perlembagaan Persekutuan, sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia, menyediakan rangka kerja asas dan mekanisme untuk tadbir urus negara (Heng Seng, 2021). Mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal dan tidak sah. Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas melarang segala bentuk diskriminasi. Tidak kira jantina, setiap individu perlu dilayan dengan adil dan saksama tanpa sebarang diskriminasi.

Sebagai langkah khusus untuk menangani kes keganasan rumah tangga, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia, yang melindungi mangsa tanpa mengira jantina atau umur. Mengikut Seksyen 3 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, "kandungan Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan peruntukan Kanun Keseksaan." Oleh itu, Kanun Keseksaan juga terpakai sebagai rangka kerja undang-undang tambahan, dan pesalah akan dikenakan tindakan di bawah kedua-dua undang-undang tersebut. Mengikut Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, "keganasan rumah tangga" ertinya perlakuan satu perbuatan atau lebih yang berikut:

- (a) secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- (b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- (c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;
- (d) mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu;
- (e) melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu;

- (ea) dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
- (eb) mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, takut akan keselamatan pihak ketiga, atau mengalami kesedihan;
- (ec) berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau selainnya;
- (f) menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
- (g) menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau
- (h) dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain, oleh seseorang, sama ada dengan sendiri atau melalui pihak ketiga, terhadap
  - (i) isteri atau suaminya;
  - (ii) bekas isteri atau suaminya;
  - (iii) kanak-kanak;
  - (iv) orang dewasa tidak berkeupayaan;
  - (v) mana-mana anggota lain keluarga;

Menurut takrifan di atas, keganasan rumah tangga merangkumi tindakan lisan dan fizikal yang melibatkan komisen, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2(c) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Walaupun tiada kecederaan fizikal berlaku terhadap mangsa, sebarang ancaman juga boleh dikategorikan sebagai keganasan rumah tangga.

### **Kerangka Kerja Perundungan Antarabangsa dalam Membanteras Keganasan Rumah Tangga**

Hasil daripada usaha substantif oleh aktivis di seluruh dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan beberapa organisasi seperti Majlis Eropah telah memperkenalkan dan membangunkan dasar serta undang-undang antarabangsa berkaitan keganasan rumah tangga. Prinsip hak asasi manusia antarabangsa menegaskan bahawa kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk melindungi individu daripada tindakan keganasan oleh pihak persendirian, menyiasat sebarang pelanggaran hak yang dilaporkan, serta melaporkan keputusan secara telus. Di samping itu, kerajaan juga perlu menyediakan pemulihan yang berkesan apabila kewajipan ini dilanggar (Bettinger-Lopez, 2008). Antara instrumen undang-undang antarabangsa yang dikembangkan oleh PBB termasuklah perjanjian, konvensyen, dan Deklarasi Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita.

Walaupun kebanyakan instrumen hak asasi manusia antarabangsa tidak secara langsung menangani isu keganasan rumah tangga, isu ini tetap berkait dengan pelanggaran hak asasi manusia, seperti hak untuk hidup, kesejahteraan fizikal dan mental, perlindungan undang-undang yang adil, dan hak untuk bebas daripada diskriminasi. Oleh itu, instrumen seperti Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR), dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR) adalah terpakai dalam konteks ini (Vesa, 2004).

Perjanjian-perjanjian ini mengikat negara yang meratifikasinya untuk bertanggungjawab mengubah tradisi budaya yang menindas wanita. Tambahan pula, seperti yang dinyatakan dalam Protokol Pilihan kepada ICCPR, adalah kewajipan sesebuah negara untuk melindungi hak asasi manusia yang sering dicabuli dalam kes keganasan rumah tangga (Edwards, 2010).

Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) juga relevan dalam konteks ini. Hampir tiga dekad yang lalu, Jawatankuasa CEDAW mengeluarkan Cadangan Umum Nombor 19 yang menegaskan bahawa keganasan berasaskan jantina merupakan satu bentuk diskriminasi yang menghalang wanita daripada menikmati hak dan kebebasan berdasarkan prinsip kesaksamaan dengan lelaki (King, 2019). CEDAW turut menekankan kepentingan kesaksamaan substantif dalam hak-hak wanita di ruang awam dan peribadi (Islam, 2017). Sejak perjanjian ini diterima pakai, CEDAW telah diratifikasi oleh 189 negara, menjadikannya salah satu perjanjian hak asasi manusia yang paling meluas diterima di dunia. Namun demikian, keganasan rumah tangga masih menimbulkan cabaran kepada keberkesanan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa (McQuigg, 2011).

Pada tahun 1993, Perhimpunan Agung PBB menerima pakai Deklarasi Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita (DEVAW), yang menjadi penanda aras bagi seluruh dunia untuk memperkuuh komitmen negara terhadap usaha global serta pembentukan dasar berkaitan keganasan terhadap wanita (Morgaine, 2007). Menurut DEVAW, punca utama keganasan rumah tangga adalah tingkah laku diskriminasi yang meletakkan wanita dalam kedudukan yang lebih lemah berbanding lelaki.

DEVAW turut menuntut negara untuk menyiasat dan menghukum kesalahan keganasan rumah tangga serta memperbaiki program undang-undang, politik, pengurusan, dan budaya bagi menghalang keganasan terhadap wanita. Selain itu, DEVAW menggesa agar latihan diberikan kepada pegawai penguatkuasa undang-undang serta menyokong usaha penyelidikan dan pengumpulan data statistik mengenai keganasan rumah tangga (Edwards, 2010).

Konvensyen Majlis Eropah mengenai Pencegahan dan Pembanterasan Keganasan terhadap Wanita dan Keganasan Rumah Tangga, atau lebih dikenali sebagai Konvensyen Istanbul, adalah instrumen undang-undang yang paling komprehensif mengenai keganasan rumah tangga setakat ini. Sejak diterima pakai pada tahun 2011, konvensyen ini mentakrifkan dan menjenayahkan keganasan rumah tangga, serta mewajibkan negara untuk menyediakan sokongan dan perlindungan kepada mangsa, mendakwa pesalah, dan menggalakkan kesaksamaan jantina. Sehingga 2021, Konvensyen Istanbul telah diratifikasi oleh 34 negara, termasuk 27 negara anggota Kesatuan Eropah.

### **Keganasan Rumah Tangga dalam Undang-undang Islam**

Islam melihat perkahwinan sebagai suatu ikatan suci yang mengutamakan kasih sayang, penghormatan, dan persefahaman antara dua individu. Bagi mengekalkan keharmonian keluarga serta melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, suami dan isteri masing-masing mempunyai peranan dan kewajipan yang tertentu. Dalam al-Quran ada menyatakan bahawa:

*Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta*

*merek. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.*

(Al-Quran, 4:34).

Islam melarang suami daripada memperlakukan isterinya dengan kekejaman dalam sebarang konflik yang timbul antara mereka. Suami digalakkan untuk mengatasi masalah dengan penuh hikmah dan kebaikan serta mempertimbangkan kelebihan dan kekuatan isterinya. Dalam al-Quran menyatakan bahawa:

*Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).*

(Al-Quran, 4:19).

Keganasan rumah tangga telah dikecam oleh Rasulullah (SAW) melalui perbuatan dan kata-kata. Rasulullah SAW bersabda, "Jangan sekali-kali kamu memukul hamba-hamba Allah (wanita mukmin)." Baginda juga bersabda, "Bagaimanakah kamu boleh memukul isteri kamu seperti memukul seorang hamba, kemudian berkeinginan menidurinya pada waktu malam?" (Bukhari dan Muslim). Nabi (SAW) terkenal kerana tidak pernah memukul mana-mana wanita atau kanak-kanak. Aisyah dilaporkan berkata, "Rasulullah tidak pernah memukul seorang pun daripada isteri atau hambanya; bahkan, Baginda tidak pernah memukul apa-apa dengan tangannya kecuali ketika berjihad di jalan Allah." (Sahih al-Bukhari).

Sehubungan itu, terdapat pengiktirafan yang semakin meluas dalam dunia Islam mengenai keperluan untuk melindungi wanita daripada keganasan dan penderaan. Banyak negara majoriti Islam telah memperkenalkan undang-undang dan dasar untuk menangani keganasan rumah tangga, dan wujud kajian ilmiah yang semakin berkembang mengenai feminism Islam dan hak-hak wanita dalam Islam.

Sebagai contoh, pada tahun 2004, Maghribi memperkenalkan undang-undang berkaitan keganasan terhadap wanita yang menjenayahkan keganasan rumah tangga serta menyediakan perkhidmatan perlindungan dan sokongan kepada mangsa. Begitu juga, pada tahun 2016, Pakistan memperkenalkan Akta Perlindungan Wanita Terhadap Keganasan, yang menjenayahkan keganasan rumah tangga serta menyediakan perlindungan dan pemulihan kepada mangsa.

## Perbincangan dan Analisis Kajian

Penting untuk ditekankan di sini bahawa Malaysia tidak meratifikasi ICCPR maupun ICESCR. Namun, ini tidak bermakna Malaysia mengabaikan seruan global untuk melindungi wanita daripada keganasan rumah tangga. Sebagai contoh, 193 negara, termasuk Malaysia, telah menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang bertujuan mengubah dunia demi kebaikan semua, termasuk wanita dan kanak-kanak.

Keputusan ini terletak di bawah Matlamat 5 (kesaksamaan jantina) yang berkait rapat dengan isu keganasan rumah tangga. Matlamat 16 (keamanan, keadilan, dan institusi yang kukuh) turut merangkumi usaha menamatkan penderaan, eksplorasi, pemerdagangan, dan semua bentuk keganasan terhadap kanak-kanak.

Kedua-dua matlamat ini bertujuan mengurangkan keganasan dan kematian dalam kalangan wanita yang berpunca daripada keganasan rumah tangga. Seperti yang telah dibincangkan, keganasan rumah tangga semakin berleluasa di banyak negara membangun dan maju, menjadikan pencapaian SDG semakin penting. Tanpa kerjasama global, usaha ini sukar dicapai.

Selain itu, pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 telah diluluskan untuk memperkuat perlindungan terhadap mangsa keganasan rumah tangga. Pindaan ini meluaskan definisi keganasan rumah tangga, termasuk penyelewengan harta secara tidak jujur yang menyebabkan mangsa mengalami kesulitan kewangan, ancaman terhadap keselamatan diri, keselamatan orang lain, serta harta benda mangsa, dan komunikasi yang bertujuan menyinggung perasaan (Singh & Singh, 2020). Pindaan ini bertujuan melindungi mangsa daripada kecederaan psikologi.

Mangsa kini boleh mendapatkan perlindungan melalui tiga cara. Pertama, dengan memohon Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Mengikut Seksyen 3A(2), permohonan untuk EPO boleh dibuat pada bila-bila masa, sama ada perintah perlindungan interim atau perlindungan sebelumnya telah dibuat. EPO dikeluarkan oleh pegawai kebajikan masyarakat untuk menghalang pendera daripada menggunakan keganasan.

Mengikut Seksyen 3A(8) Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017, EPO sah selama tujuh hari dan berperanan penting dalam menghalang pendera daripada mencederakan mangsa secara fizikal atau psikologi, serta melarang pendera daripada memasuki tempat selamat mangsa mengikut peruntukan undang-undang.

Pindaan ini juga memperkenalkan perlindungan tambahan melalui Perintah Perlindungan Interim (IPO), yang melarang pendera mendekati mangsa. IPO berfungsi sebagai langkah pencegahan sepanjang tempoh siasatan polis, memastikan mangsa dilindungi daripada sebarang bentuk penderaan fizikal, mental, atau seksual.

Akhir sekali, Perintah Perlindungan (PO) yang dikeluarkan semasa prosiding mahkamah jenayah memainkan peranan penting dalam melindungi mangsa. PO sah selama 12 bulan dan bertujuan menghalang pendera terus melakukan keganasan rumah tangga.

Sekiranya EPO, IPO, atau PO dilanggar, pendera boleh didenda sehingga RM2,000 atau dipenjarakan selama enam bulan. Hukuman ini boleh ditingkatkan jika pendera melakukan keganasan, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3E(1) Akta Keganasan Rumah Tangga.

Kanun Keseksaan turut berperanan dalam menangani keganasan rumah tangga. Pendera boleh dikenakan hukuman penjara berganda jika kesalahan melibatkan ahli keluarga atau pasangan, seperti dinyatakan dalam Seksyen 326A(1) Kanun Keseksaan.

Walaupun instrumen undang-undang antarabangsa telah tersedia, keberkesanannya bergantung pada bagaimana undang-undang tersebut dilaksanakan dalam konteks budaya tempatan. Sebagai contoh, di negara-negara Islam, kewajipan isteri untuk taat kepada suami mungkin bertentangan dengan prinsip kesaksamaan jantina yang diperjuangkan oleh DEVAW.

Cabaran ini turut dibincangkan oleh Katz et al. (2020), yang menyatakan bahawa ketidaksamaan jantina menyumbang kepada peningkatan keganasan rumah tangga, terutamanya semasa pandemik COVID-19. Mereka mencadangkan pendekatan bersepada untuk menangani isu ini bagi melindungi nyawa dan keselamatan golongan yang terdedah.

Sehingga kini, Akta Keganasan Rumah Tangga dan Kanun Keseksaan berfungsi sebagai rangka kerja perundungan utama dalam menangani kes keganasan rumah tangga di Malaysia. Kedua-dua undang-undang ini bertujuan menghukum pendera dan menghalang keganasan masa depan.

Untuk menamatkan keganasan rumah tangga terhadap wanita, masyarakat perlu menghargai dan menghormati hak serta maruah wanita. Kerajaan juga perlu memperkuuh undang-undang yang melindungi mangsa dan menyediakan perkhidmatan seperti tempat perlindungan (Fallahi, 2015). Dasar dan undang-undang yang diperkenalkan haruslah selaras dengan prinsip Islam, yang memberikan panduan jelas tentang hak dan tanggungjawab lelaki serta wanita dalam perkahwinan (Yusoff, 2024).

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Evolusi ketamadunan telah banyak membantu dalam usaha menghalang keganasan terhadap wanita. Walaupun terdapat keimbangan yang meluas mengenai keganasan sebagai jenayah terhadap kemanusiaan, masih terdapat pasangan yang terus menindas wanita dengan pelbagai bentuk penderaan. Untuk memelihara hak isteri, suami seharusnya menyayangi dan melindungi isterinya, bukan mendatangkan kemudarat kepada dirinya. Keganasan rumah tangga tidak akan berlaku jika suami benar-benar memahami hak isteri yang telah digariskan dalam al-Quran dan as-Sunnah. Dalam konteks ini, isteri dan anak-anak akan dapat hidup dengan aman sebagai sebahagian daripada keluarga yang tenang dan harmoni. Kerajaan juga harus menggubal dan menguatkuaskan peraturan yang dapat mengurangkan insiden keganasan rumah tangga, dengan memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan dan perkhidmatan sokongan untuk mangsa yang terlibat. Selain itu, terdapat keperluan untuk memperkuuh platform yang dapat membantu wanita memahami hak-hak dan remedii undang-undang mereka, mendapatkan bantuan yang sewajarnya, serta bertindak sebagai sumber maklumat yang menyeluruh ketika mereka memulakan prosedur undang-undang bagi melindungi hak mereka daripada penderaan domestik.

### **Penghargaan**

Penyelidikan ini ditaja oleh Universiti Teknologi MARA dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) di bawah Skim Geran Strategic Research Partnership (SRP) bersama Universitas Negeri Semarang (UNNES) yang bertajuk A Socio-Legal Research On The Impacts Of Covid-19 Pandemic Towards Domestic Violence Cases In Malaysia And Indonesia (100-RMC 5/3/SRP INT (028/2022).

## Rujukan

- Almeron, L. (2020). 'Domestic violence cases escalating quicker in time of COVID-19.' *Mission Local*.
- Arifin, L. (2021, May 4). *Kes keganasan rumah tangga meningkat sepanjang PKP*. BeritaHarian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/813664/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-sepanjang-pkp>
- Asrol, A. A. & Ctherine Irene Milton, C. I. (2024, Mac, 4). 18,433 wanita derita keganasan rumah tangga, *Utusan Malaysia*.
- Bettinger-Lopez, C. (2008). Human rights at home: Domestic violence as a human rights Violation. *Colum. Hum. Rts. L. Rev.* 40, 19.
- Edwards, A. (2010). *Violence against women under international human rights law*. Cambridge University Press.
- Fallahi, B. et al. (2015). The National Policy of Malaysia toward Violence against Women. *Public Policy and Administration Research*, Vol.5, No.3.
- Government of Netherland. (n.d). What is domestic violence?. *Government.nl*.
- Hady, N. S. (2023, September 29). 3,640 domestic violence cases first eight months. New Sarawak Tribune. <https://www.newsarawaktribune.com.my/3640-domestic-violence-cases-first-eight-months/>
- Heng Seng, L. (2021). The Federal Constitution, Islamisation And The Malaysian Legal Order – Government, Public Sector – Malaysia. *Mondaq.com*.
- Idoko, P. (2016). Prevalence, Knowledge and Perception of Domestic Violence among Women Attending Antenatal Care at Baraudikko Specialist Hospital, Kaduna, *Nigeria Texila International Journal of Public Health*. 4(4), 338-343.
- Islam, R. (2017). CEDAW– The Promise and the Pain of the Promise. *ELCOP Yearbook of Human Rights*.
- Katz, C. Priolo, Filho, S. R., Korbin, J., Bérubé, A., Fouche, A., Haffejee, S., Varela, N. (2020). Child maltreatment in the time of the COVID-19 pandemic: A proposed global framework on research, policy and practice. *Child Abuse & Neglect*, 116, 104824.
- King, A. (2019). UN Declaration on the Elimination of Violence against Women. *The Encyclopedia of Women and Crime*, 1-2.
- McQuigg, R. J. (2011). *International human rights law and domestic violence: The effectiveness of international human rights law*. Routledge.
- Morgaine, K. (2007). Domestic violence and human rights: Local challenges to a universal framework. *J. Soc. & Soc. Welfare*, 34, 109.
- Mshweshwe, L. (2020). Understanding domestic violence: masculinity, culture, traditions. *Heliyon*, 6(10), e05334.
- Oram, S., Khalifeh, H., & Howard, L. (2017). Violence against women and mental health. *The Lancet Psychiatry*, 4(2), 159-170.
- Povera, A. (2022, March 10). *42pc spike in domestic violence cases last year*. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/nation/2022/03/778648/42pc-spike-domestic-violence-cases-last-year>
- Sediri, S., Zgueb, Y., Ouanes, S., Ouali, U., Bourgou, S., Jomli, R., et al. (2020). Women's mental health: Acute impact of COVID-19 pandemic on domestic violence. *Archives of Women's Mental Health*, 23, 749–756.
- Singh, H. P. & Singh, K. H. (2020). Domestic violence in the time of Covid-19. *Malaysiakini*.
- Sustainable Development Goals. (2015a). Goal 5: Gender Equality, <https://www.un.org/development/desa/disabilities/envision2030-goal5.html>
- Sustainable Development Goals. (2015b). Goal 16: Peace, Justice and Strong Institutions <https://www.un.org/development/desa/disabilities/envision2030-goal16.html>

- Taub, A. (2020). A new Covid-19 crisis: Domestic abuse rises worldwide. *New York Times*.
- Vesa, A. (2004). International and Regional Standards for Protecting Victims of Domestic Violence. *Am. UJ Gender Soc. Pol'y & L.*, 12, 309.
- WHO. (2020). Levels of domestic violence increase globally, including in the Region, as COVID-19 pandemic escalates <http://www.emro.who.int/violence-injuries-disabilities/violence-news/levels-of-domestic-violence-increase-as-covid-19-pandemic-escalates.html>
- Yusoff, R. M. et al. (2024). Evaluating the Efficacy of the Existing Policy and Framework for Safeguarding Women's Social Rights in the Prevention of Domestic Violence. *International Journal of Business and Social Science*, Vol. 15, No. 1, pp. 60-68.